

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 Mei 2005

SOALAN

YB Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan teliti yang diperlukan bagi memastikan warga emas tidak terus terpinggir dari mengecapi kemajuan negara kerana warga emas sering kali dikelilingi hutang, kelaparan dan diancam dengan pelbagai penyakit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Kebajikan dan kesejahteraan warga tua merupakan salah satu bidang yang diberi tumpuan oleh Kementerian melalui agensinya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ini memandangkan Malaysia, walaupun buat masa sekarang penduduknya masih dianggap “muda” berbanding negara-negara maju, dijangka menghadapi penuaan penduduk dalam masa 30 tahun lagi. Pada tahun 2020, jumlah penduduk yang berusia 65 tahun ke atas akan mencapai 2.1 juta orang atau 7% daripada jumlah penduduk negara yang mencapai 33.4 juta pada masa itu. Sehubungan itu, JKM telah menggubal Dasar Warga Tua Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Ogos 1995. Dasar ini bertujuan mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimalkan potensi yang ada pada mereka serta menentukan mereka menikmati semua peluang di samping dapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara. Dasar ini menggabungkan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta, masyarakat dan orang perseorangan dalam usaha merealisasikan lebih 60 program dan aktiviti untuk warga tua melalui Pelan Tindakan Warga Tua yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Disember 1998. Pelan Tindakan ini memberi penekanan kepada beberapa komponen penting iaitu jagaan kesihatan, perumahan, kemudahan sosial dan rekreasi, penyelidikan dan pembangunan pendidikan dan latihan serta program advokasi untuk pelaksanaan oleh beberapa agensi berkaitan bagi menentukan kesejahteraan warga tua sepanjang hayat. Di samping itu, Kementerian telah menubuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Tua Kebangsaan pada Mei 1996 untuk membantu kerajaan menentukan dasar dan strategi dalam meningkatkan martabat dan kesejahteraan golongan warga tua. Adalah jelas bahawa Kerajaan telah mengambilkira keperluan golongan warga tua dan memastikan golongan ini tidak terus terpinggir dalam mencapai kemajuan negara dengan adanya Dasar dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara ini. Dalam menentukan pelaksanaan Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakannya secara berkesan, semua pihak perlu komited dalam memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk sama-sama memastikan golongan warga tua menikmati segala kemudahan yang disediakan demi kesejahteraan hidup mereka. Penuaan aktif dan produktif adalah tanggungjawab bersama. Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Puan Rosmaini Ahmad 2) Jawatan : Pegawai Pembangunan Masyarakat, JKM 3) No. Tel : 03-26165865 Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Y. Bhg. Dato' Shamsiah Abdul Rahman 2) Jawatan : Ketua Pengarah, JKM Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Encik Abas Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha I

MAKLUMAT TAMBAHAN Bagi memastikan warga tua yang miskin tidak terpinggir dari mengecapi kemajuan Negara, JKM telah menyediakan pelbagai program sokongan dalam masyarakat yang membolehkan keluarga dan masyarakat menjaga warga tua. Antara program yang telah disediakan adalah: 1. Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM 135.00 sebulan untuk warga tua yang miskin - Bilangan kes penerima BOT sepanjang tahun 2004 ialah 12,935 orang; - Jumlah bantuan tahun 2004 bernilai: RM19,716,358.00. 2. Peruntukan membaiki rumah juga disediakan untuk warga tua supaya mereka boleh terus tinggal dalam masyarakat. Kadar maksimum bantuan ialah RM3,000.00 bagi sebuah rumah. 3. Sehingga kini, Kerajaan telah membina 19 buah Pusat Jagaan Harian Warga Tua dengan kos RM 15 juta. Kemudahan ini memberi peluang kepada warga tua untuk bersosialisasi dengan warga tua lain serta menikmati aktiviti lain yang disediakan khas bagi mereka di samping meringankan bebanan penjaga mereka. 4. Program lain yang telah dilaksanakan ialah: • Sambutan Hari Warga Tua Kebangsaan pada 1 Oktober setiap tahun sejak 1992. Ini selaras dengan Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pelbagai isu warga tua di samping memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada warga tua atas jasa dan pengorbanan mereka. • Perkhidmatan Kaunter dan Tempat Duduk Khas bagi warga tua di pejabat-pejabat Kerajaan; • Konsesi tambang 50% bagi MAS dan KTM; • Skim Bantuan Orang Tua; • Pusat Harian Warga Tua; • Pendidikan Kesihatan • Kemudahan Perubatan; • Kemudahan Peralatan Bantuan Diri; • Perkhidmatan Peralatan Bantuan Diri; • Perkhidmatan Kesihatan Komprehensif; • Latihan Cara Hidup Sihat; • Sistem Penjagaan Khusus di Hospital / Dalam Komuniti; • Program Pendidikan Keluarga; dan • Projek di Institusi. 5. Pada dasarnya kemasukan warga tua ke institusi adalah langkah terakhir. Jabatan Kebajikan Masyarakat

Malaysia menyediakan 9 buah Rumah Seri Kenangan di seluruh Negara yang boleh menempatkan seramai 1,900 warga tua dan 2 buah Rumah Pesakit Melarat (Rumah Ehsan) yang dapat menempatkan seramai 117 orang warga tua. 6. Pertubuhan sukarela juga menyediakan rumah/tempat perlindungan bagi warga tua seperti berikut: a) Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia (MPKSM) Rumah Sejahtera - 108 buah Bilangan Penghuni - 932 orang b) Swasta/NGO lain : Bilangan Rumah - 26 buah Bilangan Penghuni - 768 orang c) Rumah Orang Tua Tidak Berwaris di bawah PPRT Bilangan projek - 30 buah Bilangan unit rumah - 316 buah Muatan bagi - 399 orang Bilangan sebenar - 295 orang

